

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]
TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)

**IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan:**

- a) Apakah tindakan yang telah dan bakal diambil oleh Kementerian dengan kerjasama daripada Persatuan Pengusaha Stesen Minyak dan Gas bagi membatalkan keahlian dan perjanjian dengan pengusaha yang didapati bersalah dalam kes penyeludupan diesel; dan
- b) Adakah Kementerian telah menempatkan pegawai-pegawai dari pelbagai agensi bagi memantau aktiviti penyeludupan diesel terutama di lokasi berhampiran sempadan Thailand.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, Kementerian sentiasa memantau aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi di negara ini sepanjang masa bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan terhadap bekalan dan subsidi yang diberikan Kerajaan.

a) Kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) dan syarikat-syarikat minyak. Menerusi beberapa siri perbincangan ini, ketiga-tiga pihak telah mencapai persetujuan untuk memainkan peranan dalam membendung aktiviti penyeludupan bahan api Negara yang kebelakangan ini. Kesemua syarikat minyak telah memberi komitmen untuk membatalkan perjanjian dengan pengusaha (dealership agreement) bagi mana-mana pengusaha di bawahnya yang didapati bersalah bersekongkol dalam aktiviti penyeludupan ini. Pihak PDAM pula memberi komitmen untuk membatalkan keahlian bagi mana-mana ahlinya yang didapati bersalah. Pihak Kementerian pula akan mengambil tindakan membatalkan Kebenaran PDA bagi mana-mana pengusaha stesen minyak atau syarikat yang disabitkan bersalah. Bermula 15hb Mei 2014 sehingga 5 Jun 2014 sebanyak 100 kes melibatkan penyelewengan minyak bersubsidi telah difailkan di bawah Ops Titik dan sekiranya siasatan membuktikan mana-mana pemilik Kebenaran PDA tersebut bersalah, Kebenaran PDA syarikat akan

dibatalkan oleh Kementerian. Kerjasama ini dilaksanakan oleh kesemua pihak melalui siri perbincangan, mesyuarat dan perjumpaan berkala yang diadakan secara berterusan.

- b) Buat masa kini tidak ada pegawai penguatkuasa Kementerian yang ditempatkan di lokasi-lokasi berhampiran sempadan Thailand bagi memantau aktiviti penyeludupan diesel. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mempunyai bidang kuasanya di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012 untuk mengambil tindakan berkaitan bahan api diesel di sempadan. Bagi menempatkan pelbagai agensi penguatkuasaan di sempadan ianya ditentukan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG
MALIM]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 100

Dato' Seri Ong Ka Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kaedah yang lebih cekap dan berkesan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menghindarkan kemalangan jalan raya yang semakin meningkat terutamanya kemalangan yang banyak melibatkan kenderaan pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan hasil siasatan kemalangan jalan raya yang telah dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) dari tahun 2007 hingga 2010, tiga penyumbang utama kemalangan jalan raya yang melibatkan pengangkutan awam (bas) adalah memandu secara laju, kelesuan pemandu serta pemanduan yang berisiko. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap keselamatan jalan raya di kalangan pengusaha-pengusaha dan pemandu-pemandu bas pelancongan, persiaran dan ekspres. Antara program yang dijalankan di bawah elemen pendidikan adalah:

- (i) memberi khidmat nasihat mengenai pemanduan selamat kepada pemandu-pemandu bas di samping melekatkan pelekat *Visibility Enhancement Material* (VEM) bas bagi meningkatkan kebolehlihatan (*visibility*) bas tersebut;
- (ii) program '*Respect Your Limit*' anjuran PLUS dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pemandu dan pengusaha kenderaan berat terhadap aspek pemanduan dan penjagaan kenderaan; dan
- (iii) menggalakkan pengusaha bas untuk menggunapakai *Malaysian Standard ISO39001: Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas*

bagi membantu mereka meningkatkan tahap pengurusan syarikat dari aspek keselamatan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, elemen penguatkuasaan juga dititikberatkan oleh Kerajaan dalam memastikan pemandu bas sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebagai contoh, pemeriksaan air kencing yang dijalankan secara rawak setiap hari di terminal-terminal bas utama di seluruh negara dalam menangani pengambilan dadah oleh pemandu bas semasa memandu serta operasi penyamaran sebagai penumpang bas bagi mengenalpasti pemandu bas yang melanggar peraturan. Kerajaan juga telah dan sedang mengambil inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) mewajibkan pengusaha kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam mematuhi 'Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Sektor Pengangkutan 2010' yang dikuatkuasakan melalui syarat bagi mendapatkan permit; dan
- (ii) mengeluarkan 'Pekeliling Pelaksanaan Kod Amalan Industri: Keselamatan Untuk Pengendali Bas Bagi Operasi di Kawasan Tanah Tinggi'. Antara keperluan yang terkandung di dalam Pekeliling tersebut adalah mewajibkan pemasangan *Global Positioning Satellite System* (GPS), *Anti-lock Braking System* (ABS), kamera CCTV di ruang *dashboard* atau ruang yang bersesuaian, sistem keselamatan brek seperti *Engine Retarder/exhaust brake* dan pematuhan peraturan *United Nations Economic Commission for Europe*

(UNECE) iaitu Peraturan 66 (keselamatan *Superstructure* kenderaan) dan Peraturan R80 (bagi pemasangan tali pinggang keledar untuk semua kerusi penumpang); dan

- (iii) penguatkuasaan *Safety Star Grading* terhadap semua operator bas bermula Julai 2014 bagi membolehkan pengguna mengetahui tahap keselamatan pengoperasian syarikat bas masing-masing.